

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2(73)

11 April 2022
9 Ramadhan 1443

PEKELILING PENTADBIRAN BIL.13/2022

PROSEDUR LARANGAN PENGGUNAAN PLASTIK SEKALI-GUNA DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Dasar dan Entiti Universiti Bil. 1/2022 pada 21 Februari 2022 telah meluluskan pemakaian Prosedur Larangan Penggunaan Plastik Sekali-Guna di Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

2. Prosedur ini diwujudkan bertujuan untuk melarang penggunaan plastik sekali-guna demi kelestarian kampus, sejajar dengan usaha penyetempatan matlamat pembangunan mampan (*Sustainable Development Goals*, SDGs) dalam UTM. Prosedur ini juga adalah sebagai rujukan warga Universiti bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan sejajar dengan komitmen Universiti terhadap kelestarian kampus.

3. Prosedur ini adalah terpakai kepada:

- i. semua staf dan pelajar UTM;
- ii. semua pengusaha di arked/kafeteria dalam UTM;
- iii. semua pembekal makanan dan minuman bagi mana-mana program/majlis/keraian dalam UTM;
- iv. semua penganjur mana-mana program/majlis/keraian dalam UTM;
- v. semua penyewa ruang/fasiliti dalam UTM;
- vi. semua kontraktor yang dilantik oleh UTM; dan
- vii. semua pelawat.

4. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti dan semua pihak yang terlibat adalah diminta untuk mengambil maklum akan Prosedur Larangan Penggunaan Plastik Sekali-Guna di UTM yang berkuat kuasa bermula dari tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

5. Prosedur ini boleh dimuat turun oleh warga Universiti melalui Portal MyUTM di pautan <https://rdpp.utm.my/login/sso>. Manakala bagi pengguna luar, prosedur ini boleh dimuat turun di pautan <https://rdpp.utm.my/RepoPenggunaLuar/Repo>.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

s.k. Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
Pengarah, UTM Pagoh
Dekan/Pengarah/Pegawai-Pegawai Kanan